F9 Pelindung semula jadi yang sukar ditembusi oleh musuh

F10 Terlindung daripada tiupan angin monsun

F11 Membolehkan kapal dagang datang / melabuh dengan selamat  
[Maksimum: 8 markah]

(b) Kepimpinan Raja Melayu dikaitkan dengan konsep daulat dan alat kebesaran diraja.  
Jelaskan konsep daulat dan alat kebesaran diraja membawa kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. [8 markah]

- F1 Daulat merujuk kepada kuasa / kewibawaan raja
- F2 Raja sebagai pemimpin
- F3 Rakyat mengakui kedaulatan raja
- F4 Memberikan taat setia sepenuhnya kepada raja
- F5 Rakyat tidak boleh menderhaka kepada raja
- F6 Kepemimpinan Raja Melaka dikaitkan dengan institusi kerajaan
- F7 Seperti adat istiadat istana / alat kebesaran diraja
- F8 Cap mohor / nobat / keris / lembing / mahkota
- F9 Alat kebesaran digunakan semasa upacara istiadat diraja
- F10 Seperti adat pertabalan / perkahwinan / kemangkatan raja
- F11 Implikasinya raja mempunyai kedudukan yang tinggi  
[Maksimum: 8 markah]

(c) Sebagai warganegara Malaysia, mengapakah kita perlu mempelajari tentang Sejarah Kesultanan Melayu Melaka? [4 markah]

- F1 Menghargai sistem pemerintahan beraja yang diamalkan di negara kita

- F2 Memupuk sikap taat setia kepada raja
- F3 Mewujudkan semangat bersatu padu / raja sebagai lambang perpaduan
- F4 Warisan pemerintahan negara kita  
[Maksimum: 4 markah]

## TINGKATAN 2 BAB 6 KESULTANAN JOHOR RIAU

### Soalan 1

Kesultanan Johor Riau menghadapi pelbagai cabaran untuk mempertahankan kedaulatannya.

(a) Jelaskan cabaran-cabaran tersebut. [4 markah]

- F1 Persaingan Johor-Acheh-Portugis
- F2 Perang Johor-Jambi
- F3 Konflik pembesar
- F4 Ancaman Raja Kechil

(b) Bagaimanakah strategi Kesultanan Johor Riau untuk mengatasi cabaran tersebut? [8 markah]

- F1 Pemindahan pusat pentadbiran
- H1a Terletak di sepanjang pesisir Sungai Johor
- H1b Keperluan strategi ketenteraan dan pertahanan
- H1c Muslihat mempertahankan diri daripada ancaman Portugis dan Acheh
- F2 Membina kota pertahanan
- H2a Sering berubah mengikut lokasi pusat pemerintahan
- H2b Diperkuatkan dengan bedil dan meriam
- F3 Menjalinkan hubungan dengan Belanda
- H3a Strategi menghadapi ancaman Portugis dan Acheh

- H3b Belanda menawarkan bantuan kepada Sultan Alauddin Riayat Shah II
- H3c Belanda meminta Johor membantu menyerang Melaka
- H3d Membantu mengangkut peralatan perang
- H3e Membuat tapak meriam
- H3f Menggali parit kubu
- H3g Menaikkan semangat tentera Belanda
- H3h Sejak 2 Ogos 1640, Johor membantu Belanda mengepung dan menyerang Portugis
- H3i Januari 1641, Portugis di Melaka Berjaya ditewaskan  
[Maksimum: 8 markah]

(c) Bagaimanakah peranan anda untuk membantu mengekalkan kedaulatan negara?  
Beri pendapat anda. [8 markah]

- F1 Mengukuhkan perpaduan
- F2 menguasai ilmu pengetahuan
- F3 Mematuhi arahan pemimpin
- F4 Bersifat kreatif dan inovatif
- F5 Menyokong penerusan dasar-dasar kerajaan
- F6 Menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara
- F7 Mematuhi Perlembagaan Negara
- F8 Menolak kemasukan budaya negatif

## Soalan 2

Kesultanan Johor Riau mewarisi sistem pemerintahan, pentadbiran dan wilayah jajahan takluk dan naungan Kesultanan Melayu Melaka. Raja Ali yang merupakan putera Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatimah telah mengasaskan Kesultanan Johor Riau.

Baginda menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah I.

(a) Sultan Alauddin Riayat Shah I telah membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua pada tahun 1528.

Terangkan keistimewaan Kota Kara. [3 markah]

- F1 Terletak di Kuala Sungai Telor, Pekan Tua
- F2 Pagar kota dibuat dengan pancang kayu besar setinggi 40 kaki (12 meter)
- F3 Kota diperkuatkan dengan bedil dan meriam
- F4 Lokasi berhampiran sungai yang lebar / dalam memudahkan kapal dagang keluar masuk
- F5 Kawasan berbukit bukau di sekitar kota menjadi benteng pertahanan daripada ancaman luar

(b) Lokasi pelabuhan yang strategik telah membolehkan Kesultanan Johor Riau muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul pada abad ke-16 dan ke-17. Jelaskan. [3 markah]

- F1 Pelabuhan Johor Lama / Batu Sawar / Panchor mudah dimudiki oleh kapal besar kerana Sungai Johor lebar dan dalam
- F2 Johor dapat mengawal lalu lintas kapal dagang dari Timur dan Barat kerana pelabuhannya terletak di kawasan selatan Selat Melaka
- F3 Pelabuhan Riau menjadi tumpuan para pedagang luar untuk mengurus niaga kerana lokasinya di persimpangan lalu lintas maritim amat strategik

(c) Andai kata anda pembesar yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pelabuhan Kesultanan Johor Riau. Apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan bagi memajukan pelabuhan tersebut?  
[4 markah]

- F1 Mengendalikan barang dagangan dengan cekap
- F2 Menyediakan pelbagai kemudahan di pelabuhan
- F3 Melaksanakan sistem naungan secara adil / saksama
- F4 Melibatkan peranan Orang Laut dalam aspek keselamatan di perairan

[Maksimum: 3 markah]

## TINGKATAN 2 BAB 7 KESULTANAN MELAYU PAHANG, PERAK, TERENGGANU DAN SELANGOR

### Soalan 1

Ilustrasi 2 merupakan peta kedudukan negeri Selangor.



Ilustrasi 2

(a) Nyatakan pengasas Kesultanan Selangor. [2 markah]

- Keluarga diraja Bugis.

(b) Di manakah letaknya pusat pemerintahan Kesultanan Selangor yang pertama? [2 markah]

- Kuala Selangor

(c) Gambar berikut merupakan Sultan Ala'iddin Suleiman Shah, iaitu Sultan Selangor yang mashyur.



Apakah sumbangan utama Sultan Ala'iddin Suleiman Shah?

[6 markah]

- (i) Membina banyak jalan raya dan landasan kereta api.
- (ii) Pembinaan kedai dan rumah meningkat terutama di Kuala Lumpur dan Klang.
- (iii) Menggalakkan rakyat mengadakan sambutan keramaian Jubli Emas di Klang.

(d) Pelantikan sultan adalah atas pengesahan Dewan di-Raja. Apakah tugas Dewan di-Raja? [4 markah]

- (i) Membantu dan menasihati sultan dalam menjalankan fungsi baginda.
- (ii) Pemerintahan dijalankan bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan.

(e) Siapakah yang menjadi anggota Dewan di-Raja? [6 markah]

- (i) Raja Muda
- (ii) Tengku Laksamana
- (iii) Tengku Bendahara



**TINGKATAN 2 BAB 8  
KERAJAAN KEDAH, KELANTAN,  
N. SEMBILAN DAN PERLIS**

**Soalan 1**

(a) Jelaskan proses pembentukan kerajaan Kedah Tua. [4 markah]

- F1 Bermula dengan penglibatan masyarakat di Guar.
- F2 Menjalankan kegiatan perdagangan dengan pedagang dari luar di Sungai Mas.
- F3 Awalnya, pusat kerajaan adalah di Sungai Mas dan Pangkalan Bujang.
- F4 Diperkukuhkan dengan catatan golongan agama.
- F5 Catatan dari China, India dan Arab-Parsi
- F6 Sumber China menamakan kerajaan Kedah Tua sebagai Chieh Ch'a
- F7 Sumber India merujuk kerajaan Kedah sebagai Kataha
- F8 Sumber Arab merujuk kerajaan Kedah sebagai Kalah-bar

(b) Terangkan kemasyhuran kerajaan Kedah. [8 markah]

- F1 Dikaitkan dengan kepesatan kegiatan perdagangan di Lembah Bujang
- H1a Dikunjungi oleh pedagang dari timur dan barat
- H1b Menjalinkan kegiatan perdagangan dengan penduduk tempatan
- H1c Pedagang luar yang lain
- F2 Menjadi pusat keagamaan agama Buddha
- H2 Seiring dengan kemajuan perdagangan

- F3 Dikuasai oleh kerajaan Srivijaya
- H3a Diserang oleh tentera Chola dari India pada tahun 1025
- H3b Melemahkan kegiatan perdagangan di Kedah Tua
- H3c Mengalami perubahan pemerintahan pada abad ketujuh
- H3d Munculnya pengasasan Kesultanan Kedah
- H3e Memulakan kerajaan baru di Kedah

(c) Andaikan anda seorang pemimpin semasa perkembangan kerajaan Kedah Tua. Beri cadangan anda untuk mengekalkan kedaulatan kerajaan Kedah Tua. [8 markah]

- F1 Mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat
- F2 Membentuk sistem pentadbiran yang moden
- F3 Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan
- F4 Mengekalkan kestabilan negara
- F5 Memantapkan sistem perundangan negara
- F6 Mengukuhkan semangat patriotisme
- F7 Mengamalkan konsep musyawarah
- F8 Bersikap tidak mudah berputus asa



**TINGKATAN 2 BAB 9 WARISAN  
KERAJAAN KEDAH, KELANTAN,  
N.SEMBILAN DAN PERLIS**

**Soalan 1**

(a) Jelaskan tanggungjawab golongan yang berikut dalam sistem pemerintahan beraja dan pentadbiran di negeri-negeri Melayu.

(i) Raja atau Sultan [2 markah]

(ii) Pembesar jajahan/ daerah [2 markah]

(iii) Penghulu mukim [2 markah]

(i) **Raja atau Sultan**

- Ketua Agama Islam
- Ketua angkatan tentera
- Simbol keamanan negara

(ii) **Pembesar jajahan/ daerah**

- Menjaga keamanan.
- Mempertahankan kedaulatan negeri.
- Menyerahkan hasil cukai kepada kerajaan.

(iii) **Penghulu mukim**

- Memungut cukai.
- Membekalkan tenaga tentera.
- Perantaraan pembesar dan rakyat.

(b) Pada pendapat anda, apakah kepentingan pembahagian tugas antara pemerintah di dalam sesebuah kerajaan?

[4 markah]

- Menjadikan sistem lebih tersusun.
- Membolehkan perkembangan ekonomi sosial dan politik berlaku dengan baik.

**TINGKATAN 2 BAB 10 SARAWAK  
DAN SABAH**

**Soalan 1**

(a) Nyatakan kaum yang meraikan Pesta Keamatan. [2 markah]

- (i) Kadazan dusun
- (ii) Murat

(b) Mengapakah perayaan tersebut diraikan? [1 markah]

- Simbol kesyukuran untuk meraikan semangat padi alau bambazon.

(c) Apakah faktor-faktor perayaan tersebut harus diraikan dan dikekalkan? [3 markah]

- Untuk generasi akan datang mengetahui akan perayaan
- Mengekalkan budaya sesuatu kaum
- Tujuan pelancongan

(d) Berikan pendapat anda, sebab-sebab perayaan tersebut perlu diraikan oleh masyarakat Malaysia. [4 markah]

- Memupuk semangat peipaduan.
- Menjalin hubungan yang harmoni.
- Memahami adat resam kaum lain.
- Memupuk semangat menghormati.

## TINGKATAN 3 BAB 1 KEDATANGAN KUASA BARAT

### Soalan 1

Pendidikan ialah aspek yang penting dalam kehidupan masyarakat tempatan.

(a) Nyatakan **dua** bentuk pendidikan dalam masyarakat tempatan.  
[2 markah]

- i. Pendidikan Tidak Formal
- ii. Pendidikan Formal

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan pendidikan tidak formal? [1 markah]

- F1 Merupakan pendidikan awal  
F2 Asuhan dalam institusi keluarga

(c) Pendidikan tidak formal mempunyai matlamat bagi membolehkan kanak-kanak berdikari apabila dewasa kelak. Bagaimana matlamat tersebut dapat dicapai?  
[2 markah]

- F1 Kanak-kanak diajarkan kemahiran  
C1a Bercucuk tanam/ menangkap ikan  
C1b Bertukang dan menghasilkan kraf tangan  
C1c Cara berburu  
C1d Meramu hasil hutan  
C1e Memanjat, memancing dan menyumpit

(d) Pendidikan tidak formal juga melahirkan individu yang berakhlak mulia. Huraikan cara ianya dilakukan?  
[2 markah]

- F1 Melalui pantun, syair, peribahasa, pepatah  
F2 Melalui pantang larang  
F3 Cerita berbentuk teladan dan pengajaran

F4 Cerita rakyat

C4aSi Tanggung Anak Derhaka yang mendidik anak tidak menderhaka kepada ibu bapa

C4b Cerita Anjing dan Bayang-bayang yang menasihati seseorang supaya tidak bersikap tamak

F5 Diajarkan ilmu agama, cara bcrkawan dan menjaga maruah

(e) Ibu bapa kini tidak mementingkan pendidikan tidak formal. Jelaskan mengapa keadaan sedemikian berlaku.  
[3 markah]

- F1 Ibu bapa sibuk dengan urusan harian  
F2 Ibu bapa terlampau letih untuk meluangkan masa untuk mendidik anak-anak  
F3 Ibu bapa tidak ada ilmu pengetahuan tentang adat/kemahiran  
F4 Ibu bapa anggap pendidikan tidak formal amat remeh  
F5 Ibu bapa lebih mementingkan pendidikan formal

(f) Mengapakah pendidikan tidak formal perlu dikekalkan dalam kehidupan kita?  
[4 markah]

- F1 Melahirkan individu yang berakhlak mulia  
F2 Berkelakuan sopan  
F3 Bertata susila  
F4 Berdikari  
F5 Berhemah tinggi

(g) Mengapakah aspek pendidikan diberikan perhatian oleh pentadbiran negara kita? Beri penjelasan anda.  
[4 markah]

- F1 Membentuk warganegara yang berilmu
- F2 Mengurangkan kadar buta huruf
- F3 Mewujudkan rakyat yang bijaksana
- F4 **Menyaingi negara maju yang lain**

### Soalan 2

Sistem pendidikan telah lama berkembang sebelum kedatangan kuasa Barat di negara kita.

- (a) Jelaskan bentuk-bentuk pendidikan yang dilaksanakan dalam kalangan masyarakat tempatan di negara kita. [2 markah]

- F1 **Pendidikan tidak formal**
- F2 **Pendidikan formal**

- (b) Mengapakah cerita rakyat berikut diajar dalam kalangan kanak-kanak?

- (i) Cerita Anjing dengan Bayang-Bayang: [1 markah]

- Memberikan nasihat kepada seseorang supaya tidak bersifat tamak

- (ii) Cerita Si Tanggang: [1 markah]

- Mendidik anak-anak supaya tidak menderhaka kepada ibu bapa

- (c) Jelaskan mata pelajaran yang diajar pada peringkat pendidikan pondok. [2 markah]

- F1 Al-Quran
- F2 Ilmu Hadis
- F3 Bahasa Arab

- (d) Mengapakah aspek pendidikan dianggap penting dalam kalangan masyarakat tempatan? [4 markah]

- F1 Berkelakuan sopan
- F2 Bertatasusila
- F3 Berdikari
- F4 **Berhemah tinggi**
- F5 **Meningkatkan taraf kehidupan**

### Soalan 3

Negeri-negeri Melayu, Sarawak dan Sabah kaya dengan bahan mentah dan kawasan pasaran menyebabkan kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba untuk menakluki tanah jajahan demi kepentingan ekonomi mereka.

- (a) Perkembangan di Barat pada abad ke-19 dan ke-20 telah membawa kesan kepada kawasan Alam Melayu. Terangkan faktor-faktor kuasa Barat datang ke negara kita pada abad ke-19 dan ke-20. [6 markah]

- F1 Perkembangan industri kereta meningkatkan permintaan terhadap getah asli
- F2 Negara kita mempunyai tanah yang subur untuk pertanian
- F3 Industri rnengetin makanan meningkatkan permintaan terhadap bijih timah
- F4 Pembukaan Terusan Suez mempercepatkan urusan perdagangan
- F5 Ciptaan kapal wap membolehkan penghantaran barang dagangan secara mudah dan murah
- F6 Persaingan kuasa Barat untuk meluaskan tanah jajahan mereka
- F7 Ciptaan telegraf menyebabkan penglibatan Tanah Melayu dalam perdagangan antarabangsa semakin penting
- F8 Slogan Beban Orang Putih digunakan untuk menjustifikasikan peluasan kuasa

(b) "British telah menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita." Buktikan pernyataan tersebut.  
[10 markah]

**F1 Strategi manipulasi**

F2 Menduduki Singapura dengan mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor

**F3 Strategi tipu helah**

F4 Menduduk Pulau Pinang setelah Francis Light berbohong kepada Sultan Kedah

**F5 Strategi pakatan**

F6 Menguasai Melaka dengan berpakat dengan Belanda dalam Perjanjian Inggeris Belanda 1824.

**F7 Strategi ugutan / desakan**

F8 Mendesak Sultan Selangor menerima perlindungan (berikutan peristiwa serangan lanun ke atas kapal dagang British di Kuala Langat dan serangan ke atas Rurnah Api di Tanjung Rachado)

**F9 Strategi perjanjian**

F10 British campur tangan di Perak melalui Perjanjian Pangkor 1824

**F11 Strategi pajakan**

F12 British menguasai Sabah melalui pajakan dan pemberian Piagam Diraja kepada SBUB

**F13 Strategi serangan fizikal**

F14 British memelihara kuasanya di Nanning dengan menyerang Penghulu Dol Said

(c) Sebagai seorang pemimpin negara, apakah langkah-langkah yang dapat anda lakukan bagi menghadapi strategi British untuk menguasai negara kita?  
[4 markah]

F1 Menyatupadukan rakyat

F2 Mentadbir dengan adil dan saksama

F3 Sentiasa berwaspada terhadap kuasa luar

F4 Mengukuhkan ekonomi negara

F5 Wewujudkan kestabilan dalam negeri

F6 Menanamkan semangat patriotisme pada rakyat

(d) Strategi serangan fizikal dilakukan oleh Belanda untuk menguasai Melaka. Berlaku cabaran penjajahan baharu masa kini.

(i) Jelaskan cabaran-cabaran tersebut.

(ii) Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.  
[10 markah]

(i) **Cabaran**

F1 Penggunaan internet yang melampau

F2 Penyebaran budaya asing yang negatif

F3 Keruntuhan moral dalam kalangan remaja

F4 Persaingan senjata nuklear

(ii) **Langkah mengatasi**

F1 Menghadkan penggunaan ICT

F2 Mengawal penularan budaya negatif

F3 Memperkasakan institusi keagamaan

F4 Mematuhi Piagam PBB

## TINGKATAN 3 BAB 2 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

### Soalan 1

Kedudukan Pulau Pinang yang strategik di pertengahan laluan perdagangan memenuhi keperluan British di Alam Melayu.

(a) Jelaskan peranan Pulau Pinang sebagai:

i. Pusat pengumpulan barang:  
[2 markah]

- F1 Mengumpulkan emas
- F2 Perak
- F3 Bijih timah
- F4 Rempah ratus

ii. Pelabuhan persinggahan:  
[2 markah]

- F1 Membaiki kapal
- F2 Mendapatkan bekalan makanan
- F3 Mendapatkan bekalan minuman
- F4 Tempat berlindung sementara menunggu perubahan angin monsun
- F5 Memudahkan penjelajahan ke rantau Asia Pasifik

iii. Pangkalan tentera:  
[2 markah]

- F1 Mengawal petempatan British di pantai timur India, Madras
- F2 Mempertahankan petempatan di India
- F3 Menghadapi saingan Belanda di Alam Melayu

(b) Mengapakah kawasan Asia dan Pasifik penting terhadap British? Beri pendapat anda.

[4 markah]

- F1 British kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan
- F2 Mengukuhkan laluan perdagangan ke China
- F3 Meneroka petempatan di kawasan Asia Pasifik
- F4 Mengukuhkan kedudukan di Australia
- F5 Mendapatkan kelebihan bersaing dengan kuasa-kuasa Barat yang lain

### Soalan 2

Stamford Raffles berjaya meluaskan pengaruh British di Singapura.

(a) Jelaskan latar belakang pertapakan British di Singapura.  
[4 markah]

- F1 Januari 1819, Stamford Raffles dan William Farquhar
- F2 Mengadakan perjanjian awal dengan pentadbir
- F3 Membenarkan British mendirikan petempatan di Singapura
- F4 Temenggung Abdul Rahman menegaskan perjanjian tersebut perlu mendapat pengesahan daripada Sultan Abdul Rahman
- F5 Pemerintah Kesultanan Johor Riau

(b) Bagaimanakah British memanfaatkan isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau untuk mendapatkan Singapura?  
[8 markah]

- F1 Sultan Mahmud Shah II mempunyai dua orang putera
- H1 Tengku Hussien, putera sulung
- F2 Tengku Abdul Rahman, putera bongsu

- H2a Pada tahun 1812, Sultan Mahmud Shah mangkat
- H2b Tengku Abdul Rahman hadir semata pemakaman Almarhum
- H2c Tengku Hussein tidak hadir
- H2d Baginda berada di Pahang
- F3 Tengku Abdul Rahman ditabalkan sebagai Sultan Johor Riau
- H3a Diiktiraf oleh Belanda dan Bugis
- H3b Tengku Hussein berundur
- H3c Menetap di Riau
- F4 Stamford Raffles mengambil peluang memujuk Temenggung Abdul Rahman menjemput Tengku Hussein ke Singapura
- H4a Diisytiharkan sebagai Sultan Johor Riau
- H4b Menggunakan gelaran Sultan Hussien Muhammad Shah
- H4c Raffles berjaya memanipulasikan isu pewarisan takhta
- H4d Kesultanan Johor Riau mempunyai dua orang sultan

- (c) Pelbagai cabaran dihadapi oleh negara kita untuk mengekalkan kedaulatan. Jelaskan cabaran-cabaran tersebut dan cara untuk mengatasinya. Beri penjelasan anda. [8 markah]

#### Cabaran

- F1 Ancaman negara luar
- F2 Kedatangan pendatang tanpa izin (PATI)
- F3 Perebutan kawasan sempadan negara
- F4 Keruntuhan moral generasi masa kini

#### Cara Mengatasi

- F1 Mengukuhkan angkatan tentera
- F2 Mengukuhkan kerjasama dalam kalangan masyarakat

- F3 Mengadakan perundingan secara bijaksana
- F4 Memupuk prpaduan rakyat

### TINGKATAN 3 BAB 3 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

#### Soalan 1

Perlombongan emas di negeri-negeri Melayu tertumpu di kawasan jalur emas yang sebahagian besarnya terletak di negeri Pahang.

- (a) Namakan dua kawasan perlombongan emas di Pahang. [2 markah]

- F1 Sungai Tembeling
- F2 Sungai Jelai
- F3 Sungai Semantan
- F4 Raub

- (b) Bandingkan kaedah kegiatan perlombongan emas di Pahang:

- i. Pada abad ke-16 dan ke-17: [2 markah]

- F1 Mendulang
- F2 Melampar

- ii. Pada abad ke-19: [2 markah]

- F1 Lombong dedah
- F2 Lombong bawah tanah

- (c) Gambar berikut berkaitan dengan tinggalan kawasan perlombongan emas.

Cadangkan tindakan untuk memanfaatkan kawasan tersebut.





Beri hujah anda. [4 markah]

- F1 Membangunkan sebagai kawasan pelancongan
- F2 Menanam tanaman hidroponik
- F3 Menebus guna untuk pembangunan komersial
- F4 Memajukan sebagai kawasan rekreasi

### Soalan 2

Pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu setelah termenterainya perjanjian persekutuan 1895.

(a) Senaraikan Negeri-negeri Melayu bersekutu. [4 markah]

- F1 Perak
- F2 Pabang
- F3 Negeri Sembilan
- F4 Selangor

(b) Jelaskan ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu. [3 markah]

- F1 Gabungan Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor
- F2 Residen Jeneral sebagai Ketua Pentadbiran
- F3 Raja-raja Melayu menerima nasihat Residen Jeneral
- F4 Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- F5 Negeri-negeri Melayu Bersekutu dikenali sebagai persatuan 1896

(c) Huraikan faktor-faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. [3 markah]

- F1 Mengatasi kelemahan sistem Residen
- F2 Menyeragamkan sistem pentadbiran
- F3 Menjamin keselamatan negeri


F4 Menangani masalah kewangan

## TINGKATAN 3 BAB 4 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU

### Soalan 1

Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

(a) Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah bersifat longgar kerana setiap negeri masih mengekalkan sistaera pentadbiran sendiri.



Terangkan ciri-ciri pentadbiran di Kedah berikutan pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

[4 markah]

- F1 Penasihat British terlibat secara langsung dalam pentadbiran
- F2 Pentadbiran melibatkan pembesar tempatan
- F3 Kedah tidak akan diserahkan kepada kuasa asing tanpa keizinan bertulis oleh sultan /Majlis Mesyuarat Negeri
- F4 Kakitangan awam terdiri daripada orang Melayu
- F5 Setiausaha Kerajaan merupakan pegawai tadbir terpenting

(b) Pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu memelihara pengenal Birokrasi Barat di negeri-negeri berkenaan. Buktikan. [3 markah]

- F1 Penasihat British menentukan dasar pentadbiran (sehingga mengurangkan kuasa raja dan pembesar)
- F2 Jabatan kerajaan baharu diperkenalkan di setiap negeri
- F3 Pasukan polis diwujudkan
- F4 Urusan pentadbiran negeri mengamalkan cara Barat
- F5 Mahkamah sivil diperkenalkan
- F6 Pegawai-pegawai British dibawa masuk sebagai pegawai tadbir kerajaan

(c) Meskipun kedudukan Raja Melayu kekal dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu, namun pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu wajar ditentang oleh penduduk negeri-negeri Melayu berkenaan. Beri pandangan anda.

[3 markah]

- F1 Kuasa raja semakin terhakis
- F2 Pembesar hilang peranan/ tidak lagi mengutip cukai
- F3 Pentadbiran dijalankan oleh orang Barat
- F4 Penasihat British menentukan dasar pentadbiran

### TINGKATAN 3 BAB 5 PENTADBIRAN BARAT DI SARAWAK DAN SABAH

#### Soalan 1

Walaupun Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah bermatlamat menguat keuntungan, namun, mereka tetap menghormati dan mempertahankan masyarakat peribumi.

(a) Huraikan pengekalan pembesar tempatan di Sarawak.

[6 markah]

- F1 Dinasti Brooke melibatkan kalangan pembesar tempatan
- F2 Dasar ini digunakan bagi mengisi kekurangan pegawai-pegawai Eropah yang jumlahnya kecil
- F3 Penglibatan orang tempatan seperti kalangan Datu, iaitu Datu Patinggi, Datu Bandar, Datuk Temengung serta
- H3a Dua jawatan baharu iaitu Datu Imam dan Datu Hakim
- F4 Ketika zaman Charles Vyner Brooke, beberapa gelaran diwujudkan iaitu Datu Menteri, Datu Pahlawan, Datu Bentara dan Datu Amar
- F5 Para pembesar tidak lagi dibenarkan mengutip cukai
- H5a sebaliknya diberikan gaji
- H5b dan peranan membantu pentadbiran
- F6 Mengekalkan semua undang-undang tempatan dan adat
- H6 yang tidak bercanggah dengan sistem barat

(b) Huraikan pengekalan Institusi peribumi di Sabah. [6 markah]

- F1 Bagi menjamin kecekapan dan pentadbiran yang baik, SBUB membahagikan ketua-ketua peribumi kepada kategori ketua yang diakui dan yang tidak diakui.
- F2 Ketua Anak Negeri yang diakui diserapkan ke dalam sistem pentadbiran SBUB
- H2a dan dibayar gaji
- H2b sementara Ketua Anak Negeri yang tidak diakui tidak dibayar gaji
- F3 Institusi peribumi yang utama ialah Institusi ketua Anak Negeri,

- Ketua Kampung (Orang Tua) dan Mahkamah Anak Negeri
- H4a serta mengutip cukai kepala
- H4b dan mentadbir keadilan
- F5 Ketua Anak Negeri yang juga digelar Orang Kaya-kaya (O.K.K)
- H5 membantu Pegawai Daerah menjalankan pentadbiran pada peringkat daerah.
- F6 Ketua Anak Negeri juga dilantik menjadi hakim di Mahkamah Anak Negeri
- H6a Bertugas dalam menjaga keamanan daerah mereka
- H6b Memungut cukai
- H6c Mengurus pentadbiran pengadilan (pembantu majistret)

(c) Bagi memastikan wujud keamanan, Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah telah melaksanakan pentadbiran berasaskan kaum.

(i) Bincangkan sistem pecah dan perintah di Sarawak.  
[6 markah]


- F1 Tiga kategori masyarakat dikelompokkan, iaitu Melayu, Iban dan Cina
- F2 Orang Melayu dalam pentadbiran
- H2a Orang Cina dalam ekonomi
- H2b Orang Iban dalam keselamatan dan ketenteraan
- F3 Charles Brooke mewujudkan jawatan tertinggi masyarakat Iban, iaitu Temenggung
- F4 Bagi orang Cina diwujudkan jawatan Kapitan dan Kangcu

(ii) Bincangkan pentadbiran berasaskan peribumi di Sabah.  
[6 markah]

- F1 Ketua-ketua etnik berperanan dan dipilih berdasarkan personaliti
- H1 kepakaran
- F2 Memberi kesan kepada pertadbiran kerajaan peringkat tempatan
- F3 Pentadbir dikenali sebagai Penolong Pegawai Daerah

### Soalan 2

Gambar 2 tokoh yang berkaitan dengan Sarawak.



Gambar 2

(a) Nyatakan strategi James Brooke untuk mendapatkan kuasa pemerintahan di Sarawak.  
[8 markah]

### Rundingan

- Berunding dengan Pengiran Raja Muda Hashim apabila diminta untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku
- Pengiran Raja Muda Hashim menawarkan Sarawak kepada James Brooke.

### Ugutan

- Sebanyak dua kali.
- Mengugut Pengiran Raja Muda Hashim dengan menyerang kedudukan Pengiran Raja Muda Hashim di Kuching.
- Akhirnya, Pengiran terpaksa menyerahkan Sarawak kepada James Brooke.

### Perjanjian

- Perjanjian 1841 James Brooke dengan Pengiran Raja Muda Hashim
- Perjanjian 1842 James Brooke dengan Sultan Brunei Sultan Omar Ali Saifuddin.

### Ketenteraan

- Sokongan kapal HMS Dido oleh angkatan tentera laut.

- Dibuang ke Singapura kerana dianggap berpakat menyingkirkan Brooke.
- Sokongan kewangan.
- Memperoleh sokongan kewangan daripada pemodal Eropah.
- Menentang kebangkitan orang tempatan.
- Menganggap mereka sebagai lanun.

(b) Bagaimanakah James Brooke berjaya mengukuhkan kuasanya di Sarawak? [8 markah]

- Melalui kekuatan tentera laut
- Kapal HMS Dido menghancurkan kubu kuat orang Iban.
- Memperoleh sokongan daripada sebahagian masyarakat tempatan, iaitu Melayu dan Iban
- Menghapuskan tokoh tempatan yang menentang kedudukannya seperti Sharif Masahor.

(c) Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan James Brooke berjaya mendapatkan kuasa pemerintahan di Sarawak? [4 markah]

- Kebijaksanaan mengatur strategi.
- Kelemahan pemimpin dalam menangani masalah dalaman
- Sultan tidak berbincang terlebih dahulu dengan pembesar
- Terlalu percaya akan kuasa asing

**Get our 100% exam tips (PT3)**

**BM, BI, Maths, Science, Sejarah & Geografi  
Pre-order now**

via [www.andrewchoo.com.my](http://www.andrewchoo.com.my)

**or**

**Join our LIVE Seminar PT3**

**at University Malaya**

**on 25 AUGUST 2019 (Sun)\*\***

**WhatsApp 012-3260392 / 012-2300392**